

01/10/2001

Pendidikan agama perlu dikaji semula

Karim Sulaiman; Mohd Yusof Sulaiman

SEORANG bapa mengeluh anaknya yang bersekolah rendah kebangsaan sering tidak lulus Pendidikan Islam, sedangkan cemerlang dalam mata pelajaran lain. Setiap kali peperiksaan dakwat merah pasti tercatat pada mata pelajaran Pendidikan Islam dalam rekod kemajuan anaknya.

Persoalan yang timbul dalam kepala bapa itu ialah di manakah silapnya?

Selepas meneliti semua perkara, beliau kembali kepada perkara pokok sama ada anaknya dapat menerima pelajaran itu atau tidak?

Perkara itu penting baginya kerana jika anaknya tidak memahami pelajaran yang diajar, pasti dia tidak dapat mengikuti pelajaran itu dan lulus peperiksaan.

Jelas dalam kes ini, anaknya faham apa yang diajar guru, tetapi tidak dapat mendalami mata pelajaran itu. Sebabnya cukup mudah kerana anaknya tidak dapat menguasai tulisan jawi dengan baik.

Secara logiknya pastilah kanak-kanak tadi tidak dapat memahami isi kandungan pelajaran itu yang ditulis dalam tulisan jawi kerana tidak boleh membacanya.

Dalam kes lain pula, ibu bapa terpaksa menghantar anak mereka ke sekolah agama tambahan bagi membolehkan anak mereka mendapat ilmu agama.

Persoalannya, mengapa perlu menghantar anak ke sekolah agama? Adalah menjadi kewajipan ibu bapa untuk memastikan anak mereka mendapat pendidikan agama sempurna untuk bekalan hidup di dunia dan akhirat.

Tetapi adakah ibu bapa akan menghantar anak mereka ke sekolah agama tambahan jika sistem pendidikan agama di sekolah rendah kebangsaan baik dan sempurna?

Seorang ibu ketika memberi pandangannya berkata: "Saya tidak begitu yakin dengan keberkesanan sistem pendidikan Islam di sekolah rendah.

"Itu sebabnya saya perlu menghantar anak ke kelas agama tambahan."

Alasan wanita itu mungkin ada kebenarannya.

Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan anak mendapat pendidikan agama sempurna. Kita percaya bahawa ilmu akhirat penting untuk anak, selain ilmu dunia.

Tetapi ini tidak bermakna guru agama boleh lepas tangan menjalankan tanggungjawab mereka dengan mengandaikan ibu bapa sudah menghantar anak mereka ke kelas agama tambahan.

Kita bimbang jika itulah pandangan guru agama terhadap pendidikan agama.

Kita lebih bimbang lagi apabila mendengar dan membaca berita mengenai kegiatan pihak tertentu menggunakan sekolah agama bagi menjalankan agenda perjuangan mereka.

Tetapi dengan perkembangan sekarang, di mana sekolah agama dijadikan tempat untuk menanamkan semangat perjuangan pihak tertentu, yang mana lagi ibu bapa mahu menghantar anak mereka untuk mempelajari agama.

Kementerian Pendidikan perlu berbuat sesuatu bagi mewujudkan sistem pendidikan agama yang berkesan dari peringkat sekolah rendah lagi.

Atas kebimbangan itu, mungkin menyebabkan ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah agama swasta bagi membolehkan anak mendapat pendidikan sempurna.

Perangkaan Kementerian Pendidikan mendapati, kira-kira 30 peratus murid sekolah rendah, sebahagian besarnya lelaki Melayu tidak meneruskan pengajian mereka ke sekolah menengah kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal bulan ini, ketika mendedahkan perkara itu berkata, kemungkinan pelajar ini berpindah ke

sekolah agama swasta yang turut menyediakan kurikulum kebangsaan, tapi pada masa sama mereka diajar mengenai agama Islam dan ketidakislamnya kerajaan.

"Hampir semua mereka menyertai politik pembangkang. Mereka dikawal supaya tidak terdedah dengan penjelasan kerajaan mengenai sesuatu isu.

"Pengetahuan mereka dalam bidang agama cetek, tidak seperti pelajar agama dulu yang menguasai ilmu agama sebenar," katanya.

Katanya, kini ada golongan yang menarik pelajar ke sekolah agama swasta dengan menggunakan isu agama, sedangkan tujuan mereka hanya untuk menambah pendapatan.

Golongan itu memberikan gambaran perpindahan pelajar dari sekolah kerajaan yang percuma kepada sekolah agama swasta berbayar adalah satu ibadah.

"Ini yang menjadi masalah. Orang terpengaruh dengan pendapat mereka membuat sesuatu yang baik untuk agama di dunia ini," katanya.

Dr Mahathir meminta umat Islam terutama ulama supaya tidak mentafsirkan ilmu sebagai sekular atau duniawi kerana mempunyai kaitan rapat dengan akhirat.

"Umat Islam yang berpegang kepada ajaran agama sebenar perlu menentang pendapat salah ini dan perlu berani menyebarkan ajaran Islam yang sebenar dan menuntut semua ilmu," katanya.

Perdana Menteri berkata, ada pihak tertentu tidak senang melihat pelajar Melayu belajar ilmu lain, selain agama, dan mungkin pihak ini ingin mempengaruhi pelajar itu untuk kepentingan mereka.

"Jika orang Melayu mundur dan terus rosak, ini tidak mengapa (kepada pihak berkenaan) kerana yang lebih utama kepentingan mereka tercapai," katanya.

Kebimbangan Perdana Menteri ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak bagi memastikan anak mereka tidak digunakan oleh pihak tertentu untuk kepentingan perjuangan dan cita-cita politik pihak tertentu.

Kita perlu mencari sebab perkara ini berlaku. Ada yang mendakwa perkara ini berbangkit kerana pengajaran agama Islam di sekolah rendah kebangsaan tidak menepati kurikulum yang disediakan.

Sesetengah ibu bapa bersungut pengajaran agama di sekolah rendah kebangsaan menyedihkan sekali. Dakwaan turut dibuat bahawa guru agama di sekolah kebangsaan tidak mengajar mengikut kurikulum disediakan.

Berikutan itu, ibu bapa terpaksa menghantar anak mereka ke kelas agama tambahan bagi mendapatkan pendidikan agama lebih sempurna.

Anak sepatutnya tidak perlu mengikuti kelas agama tambahan di sekolah agama, sekiranya pembelajaran agama yang sempurna boleh diberikan di sekolah kebangsaan. Keadaan itu menyebabkan ramai murid yang menamatkan darjah enam masih tidak mengenal tulisan jawi dan mengetahui asas agama.

Ibu bapa yang tidak yakin dengan sistem pelajaran agama di sekolah kebangsaan serta bimbang anak mereka akan terus keciciran dalam bidang agama mengambil keputusan menghantar mereka ke sekolah menengah agama swasta.

Malangnya sama ada ibu bapa menyedari atau tidak, ada sekolah agama swasta sudah dijadikan tempat perjuangan politik kepartian.

Sekolah itu turut dijadikan tempat menyemai bibit membenci kerajaan yang didakwa tidak mengikut peraturan Islam. Ini memberi gambaran seolah-olah ada perancangan pihak tertentu untuk mempengaruhi dan memesongkan pendirian murid sejak mereka di sekolah.

Perkembangan ini juga timbul kerana ada antara mereka yang taksud dengan perjuangan politik tanpa memikirkan akibat buruk terhadap anak bangsa dengan memberikan pendidikan sempit.

Pembelajaran agama Islam sememangnya baik, tetapi apa yang dimusykilkan ialah pelajaran diselitkan dengan usaha untuk membenci pemerintah dengan

tohmahan bahawa kerajaan sekarang tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Pelajaran yang diberikan amat membimbangkan kerana usaha begini banyak mempengaruhi pelajar untuk membenci pihak berkuasa.

Sekolah itu tidak berpegang kepada ajaran agama sebenar. Mereka sebaliknya cuba memupuk pandangan sempit, hingga ada yang mengabaikan soal duniawi.

Islam juga tidak menyarankan umatnya membenci atau berperasaan taksub. Islam juga tidak menanam semangat benci-membenci atau mengajar umatnya menjadi penjahat, penjenayah atau pemberontak.

Islam sebenarnya mengajar umatnya supaya menerapkan nilai kebaikan bukan mengajar mereka ke arah keruntuhan.

Kita tidak mahu melihat orang Melayu terus ketinggalan kerana meninggalkan secara total ilmu dunia yang membawa kebaikan kepada umat keseluruhannya.

Dalam hal ini juga, kita perlu melihat sistem pendidikan Islam secara menyeluruh, termasuk dari segi kurikulum, teknik pembelajaran dan pengajaran.

Pendidikan Islam tidak lagi harus diajar sebagai pendekatan ilmu agama semata-mata, tanpa mengaitkannya dengan kepentingan dan kegunaannya dalam perkembangan dunia sekarang.

Mata pelajaran itu perlu dikaitkan dengan pendidikan lain berkaitan seperti sains dan teknologi.

Dengan cara itu, pelajar dapat memahami kepentingan pendidikan agama dan seterusnya menterjemahkan untuk keperluan kehidupan di dunia ini.

Kaedah pengajaran agama berkesan dapat mematahkan hujah atau pandangan orang taksub dengan perjuangan sempit mereka, yang mengajar anak bahawa ilmu duniawi tidak penting.

Pengajaran sedemikianlah disogokkan kepada umat Islam, khususnya orang Melayu dan jika ramai anak bangsa berfahaman demikian, maka orang Melayu akan bertambah mundur dalam pelbagai bidang dan terus terpinggir di bumi sendiri.

Fahaman demikian bertentangan dengan ajaran Islam yang mahukan umatnya mengejar kedua-dua ilmu akhirat dan duniawi, termasuk sains, teknologi, matematik dan kejuruteraan.

Hanya dengan menguasai semua bidang itu saja, umat Islam dapat mengembalikan kegemilangan tamadun Islam.

(END)